

# REUNION OF FOREIGN CADET GRADUATES OF THE NATIONAL DEFENSE ACADEMY

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5742-reunion-of-foreign-cadet-graduates-of-the-national-defense-academy](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5742-reunion-of-foreign-cadet-graduates-of-the-national-defense-academy)

Kementerian Pertahanan Jepun telah menganjurkan Majlis 'Reunion of Foreign Cadet Graduates of the National Defense Academy' (NDA) di Ichigaya, Shinjuku, Tokyo. Dua Pegawai Kanan TUDM iaitu Kol Ahmad Khusairi bin Ahmad Fadli TUDM dan Lt Kol Suresh K.Vijayaratnam TUDM merupakan kadet graduasi NDA telah menerima jemputan untuk menghadiri majlis ini yang julung kalinya diadakan.

Majlis ini telah dihadiri seramai 65 Pegawai Tentera daripada 13 buah Negara. Program dimulakan dengan Sesi Roundtable Discussion bersama Menteri Pertahanan Jepun, Taro Kono. Di perbincangan ini beliau telah menyampaikan hasrat Kementerian Pertahanan Jepun untuk membina jaringan hubungan diplomasi pertahanan bersama negara serantau terutamanya ASEAN melalui pegawai yang pernah menuntut di NDA.

Sejurus selepas sesi tersebut, satu majlis resepsi bersama Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe telah diadakan di Sori Daijin Kantei, kediaman rasmi beliau. Dalam ucapannya, pegawai lepasan NDA telah disarankan untuk menjadi penghubung yang penting dalam mengeratkan lagi perhubungan diplomatik antara Jepun dengan negara serantau. Wakil dari setiap negara juga telah diberi peluang untuk menyampaikan ucapan ringkas. Ucapan bagi Deligasi Malaysia telah disampaikan oleh Kol Ahmad Khusairi TUDM selaku Ketua Deligasi Malaysia.

Sumber gambar: Ministry of Defense Japan.





